



## BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN PPBA 2024

22 - 24 Februari 2024  
Hotel Granada, Johor Bahru



### Sesi Audit Good Governance Rating (GGR), UTHM PPBA

21 Januari 2024  
Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL



### Mesyuarat Jawatankuasa Pembelajaran Berterusan Bil.1/2024

18 Mac 2024  
Dewan Jemaah, Aras 5, PTTA



### MESYUARAT MODERASI KURSUS LATIHAN MENGAJAR (MBE 24206) APEL.C

27 Februari 2024  
Bilik Mesyuarat 1, Pusat Pengajian Bahasa

# SIDANG REDAKSI

## **PENANUNG**

- Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar

## **PENYELARAS KANDUNGAN**

- Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman
- Dr. Muhamad Hanif bin Jofri
- Ts. Dr. Muhamad Asyraf bin Hasim
- Ts. Ida Aryanie binti Bahrudin
- Encik Azam bin Jainal

## **EDITOR**

- Puan Norhazirah bin Kemin
- Puan Noraizah bin Wahab
- Puan Siti Hajar binti Md. Hair (Khair)
- Puan Nurul Ain binti Juhari
- Cik Nur Raimi bin Ab. Razak

## **REKA BENTUK**

- Nurulhidayah binti Basari

## **FOTOGRAFI**

- Encik Muhammad Hilmi bin Abd. Razak

## **SIDANG REDAKSI**

- Puan Elli binti Jamaluddin
- Encik Mohamad Firdaus bin Zaini

# ISI KANDUNGAN

- Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional Dalam Perkhidmatan Makanan Halal Dan Barista.
- Kursus Persediaan APELA Bagi Calon TAHAP 7 (SARJANA)
- Mesyuarat Franchise Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) bersama UTHM Education & Training Sdn.Bhd (UET)
- Urusan Kad Matrik Pelajar Program Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah & Ziarah
- Mesyuarat Kajian Rintis Calon APEL.Q
- Sesi Temuduga Bersama Calon APELA Tahap 7 (SARJANA)
- Program Gotong Royong Eksa Aras Bawah Bangunan B3
- Sesi Ujian Aptitud Penilaian APELA
- Bengkel Pembangunan Bahan Pengajaran Kendiri (SIM) dan Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL)
- Audit Good Governance Rating (GGR), UTHM Pusat Pembelajaran Berterusan Dan APEL
- Mesyuarat Pengurusan Pusat Pembelajaran Berterusan Dan APEL Bil.1/2024
- Majlis Penghargaan Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan Dan APEL
- Bengkel Pembangunan Self Instructional Material (SIM) Program Sarjana Teknologi Maklumat (MIO) Secara Open and Distance Learning (ODL)
- Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Kursus "Shetech: Shaping Technology Leadership For Women In Technical And Vocational Education And Training (TVET)" Di Bawah Peruntukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) Kementerian Luar Negeri Malaysia
- Ucapan Tahniah Kepada Penerima Program Bagi Tajaan MTCP 2024
- Sesi Temuduga Bersama Calon APELA Tahap 7 (SARJANA)
- Sesi Ujian Aptitud Penilaian APELA
- Sesi Temuduga Bersama Calon APELA Tahap 7 (SARJANA)
- Sesi Temuduga Bersama Calon APELA Tahap 7 (SARJANA)
- Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional Dalam Pengajar Praktikal Penyenggaraan Pesawat
- Sesi Ujian Aptitud Penilaian APELA
- Sesi Temuduga Bersama Calon APELA Tahap 7 (SARJANA)
- Program "Global Partnership Initiative: Navigate Your Future and Launching of Career Progression Map In Food Services"
- Penghantaran Dokumen Maklumbalas MQA01 Program ODL
- Pendaftaran Pelajar Baharu Program Profesional Penerbangan
- Urusan Kad Matrik Pelajar Program Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah & Ziarah
- Kursus Bridging the Journey to Discover Excellence (BRIDGE)
- Mesyuarat ODL, CVL Dan CAD
- Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Program Baharu Kerjasama Confexhub
- Sesi Temuduga Bersama Calon APELA Tahap 7 (SARJANA)
- Sesi Ujian Aptitud Penilaian APELA
- Bengkel Panel Penilai Dan Pembangunan Instrumen APEL.C
- Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional Dalam Sistem Bangunan Berindustri (IBS)
- Perbincangan Bersama rakan Kerjasama berkaitan Pelaksanaan Program Pembelajaran Berterusan
- Perbincangan berkaitan pelantikan penceramah kursus "SC-900: Microsoft Security, Compliance, and Identity Fundamentals"
- Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Pusat Pembelajaran Berterusan Dan APEL 2024
- Mesyuarat Moderasi Kursus Latihan Mengajar (MBE 24206) APEL.C
- Bengkel Pembangunan Self Instructional Material (SIM) Program Sarjana Teknologi Maklumat (MIO) Secara Open and Distance Learning (ODL) – Siri 1
- Jerayawara Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional Dalam Teknologi Dron Pertanian
- Mesyuarat Pembelajaran Berterusan dan Taklimat Bengkel Penilai APELA Di University College Bestari, Terengganu
- Bengkel Pembangunan Self-Instructional Material (SIM) Program Sarjana Teknologi Maklumat (MIO) Secara Open & Distance Learning (ODL) – Siri 2
- Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) di Antara Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional Dalam Mekatronik
- Sesi lawatan bagi pematuhan syarat-syarat perakuan akreditasi sementara secara virtual (MQA Virtual Audit, MQAVA) Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan.
- Perbincangan Berkaitan Yuran Penilaian APEL.Q
- Accreditation Of Prior Experiential Learning for Access, APELA
- Mesyuarat Jawatankuasa Pembelajaran Berterusan BIL1/2024
- Pemantauan Kursus Bently-Openrail Fundamental
- Perbincangan berkaitan Pelaksanaan PSH di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- Sesi Temubual Calon APEL.C Bersama Panel Penasihat
- Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan SHETECH MTCP 2024 PPBA Bersama UET





## PELAKSANAAN PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM PERKHIDMATAN MAKANAN HALAL DAN BARISTA

**01 OKTOBER 2023 hingga 03 JANUARI 2024**– Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dengan kerjasama Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (FPTV) menawarkan Program Pentauliahan Profesional dalam Perkhidmatan Makanan Halal dan Barista. Sesi pendaftaran dilaksanakan pada 3 Oktober 2023 bertempat di Caffeine and Callories by Gastro Scholar, RMC Hall, Aras Bawah Blok F6 (Bangunan Pusat Penyelidikan) UTHM. Pelaksanaan Program Pentauliahan Profesional ini dianjurkan khusus kepada 20 orang pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) di bawah peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bernilai RM497,120.00. Kursus ini berlangsung selama 95 hari bermula 1 Oktober 2023 hingga 3 Januari 2024.





## KURSUS PERSEDIAAN APEL.A BAGI CALON TAHAP 7 (SARJANA)

**06 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah menerima jemputan dari pihak UTHM Education & Training (UET) bagi berkongsi maklumat mengenai persediaan penilaian APEL.A kepada calon – calon Tahap7 (Sarjana) pada 6 Januari 2024 (Sabtu) dan ianya diadakan secara talian melalui medium Microsoft Teams.

Maklumat pengisian mengenai penilaian APEL.A ini telah disampaikan oleh Ketua Jabatan APEL.A, Pn. Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin dan dihadiri oleh Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar.



## MESYUARAT FRANCHISE PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL BERSAMA UTHM EDUCATION & TRAINING SDN.BHD



**07 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah mengadakan mesyuarat Franchise Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dan UTHM Education & Training Sdn. Bhd bertarikh 7 Januari 2024 (Ahad) secara talian. Telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar dan Timbalan Pengarah, Dr. Muhamad Hanif Bin Jofri bersama Pihak UTHM Education & Training Sdn. Bhd.

# URUSAN KAD MATRIK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA KEMAHIRAN PENGURUSAN MUTAWWIF UMRAH & ZIARAH

**07 JANUARI 2024-** Menerusi rekod pendaftaran pelajar baharu bagi program Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah & Ziarah (PMUZ) 2023, seramai 19 orang pelajar telah mendaftar. Pihak Professional Mutawwif Development (PMD) telah melaksanakan tiga kaliambilan dan proses pendaftaran pelajar telah diadakan pada 3 Mei 2023, 31 Julai 2023 dan 30 Oktober 2023 bertempat di UTHM kampus pagoh. Di mana, 7 orang telah mendaftar bagiambilan Mei 2023, 8 orang pelajarambilan Julai 2023 dan 4 orang pelajarambilan Oktober 2023. Program PMUZ ini merupakan jalinan kerjasama antara Professional Mutawwif Development (PMD) Sdn. Bhd. dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK).

UTHM kampus Pagoh dipilih sebagai Pusat Bertauliah bagi Zon Selatan untuk menjayakan program ini selama tiga (3) tahun bermula 1 Oktober 2021 sehingga September 2024. Penganjuran program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang berkecakupan di dalam bidang kemahiran Mutawwif Professional & Muslim Tour Leaders. Semoga jalinan kerjasama PMD-UTHM melalui pelaksanaan program PMUZ ini bakal menjadi pemangkin kecemerlangan pelajar dalam bidang kemahiran mutawwif umrah dan ziarah.

Terkini, dimaklumkan 1 orang pelajar telah menarik diri dan baki 18 orang pelajar PMUZambilan 2023 masih meneruskan pengajian. Manakala pelaksanaan bagi urusan kad matrik pelajarambilan mei telah diuruskan Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) pada 1 Jun 2023 (Khamis) jam 10:00 pagi bertempat di Pejabat Pendaftar UTHM manakalaambilan julai dan oktober, pihak PMD mohon dibuat bersekali pada 7 Januari 2024 (Ahad) jam 10:00 pagi bertempat di Pejabat Pendaftar UTHM.



# MESYUARAT KAJIAN RINTIS CALON APEL.Q

**08 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah menjalankan mesyuarat kajian rintis calon APEL.Q bertarih 8 Januari 2024 secara dalam talian. Telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah PPBA, Dr. Muhamad Hanif Bin Jofri. Turut sertai dalam mesyuarat bersama Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).





## SESI TEMUDUGA BERSAMA CALON APELA TAHAP 7 (SARJANA)

**09 JANUARI 2024**– Sesi temuduga bagi calon APELA Tahap 7 (Sarjana) ini dijalankan secara dalam talian pada 9 Januari 2024 (Selasa). Panel Penilai yang menilai adalah dikalangan panel APELA yang telah menjalani latihan dan dilantik berdasarkan bidang calon. Sesi ini diadakan bagi menilai calon mengikut panduan dan syarat yang ditetapkan MQA. Di antara panel PPBA yang terlibat adalah Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin, Ketua Jabatan APELA



## PROGRAM GOTONG ROYONG EKSA ARAS BAWAH BANGUNAN B3

**11 JANUARI 2024**– Program gotong – royong perdana EKSA anjuran bersama Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL, Pusat Pembangunan Perniagaan, Pejabat Kelestarian Kewangan dan Pusat Wakaf dan Endowmen diadakan pada 11 Januari 2024 (Khamis) bagi memperkasakan program EKSA yang diamalkan disemua PTj. Program gotong – royong ini mendapat sambutan dari semua staf dan pelaksanaan ini berjaya mendapat penarafan 5 bintang dari Pejabat Pengurusan Kualiti UTHM.

Anjuran Bersama PKKew  
(BizDec & PWE) & PPBA

**GOTONG ROYONG  
PERDANA EKSA B3B**

14 Januari 2024 (Ahad) | 09.30 hingga selesai

PKKew (BizDec & PWE) & PPBA

BLOK B3 ARAS BAWAH

SISIH SAPU SUSUN





## SESI UJIAN APTITUD PENILAIAN APELA



**14 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah menjalankan sesi Ujian Aptitud kepada calon yang menjalani penilaian APEL dan ianya dihadiri oleh 7 orang calon terdiri dari calon APELA Tahap 3, Tahap 4, Tahap 6 dan Tahap 7 pada 14 Januari 2024 (Ahad) selama 2 jam 30 minit dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Sesi ini diadakan secara dalam talian di platform Microsoft Teams dan sistem Author UTHM yang dikelolakan dan dipantau oleh Ketua Jabatan APELA Pn. Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin dan Pn. Siti Hajar binti Md. Hair (Khair) selaku urusetia.

## BENGGKEL PEMBANGUNAN BAHAN PENGAJARAN KENDIRI (SIM) DAN PEMBELAJARAN JARAK JAUH TERBUKA (ODL)



**15-17 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah menganjurkan program “Bengkel Pembangunan Bahan Pengajaran Kendiri (SIM) dan Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL)” . Bengkel ini bertujuan untuk perhimpunan khusus atau sesi yang dianjurkan bagi perkongsian pandangan, latihan, dan perbincangan yang berkaitan dengan pembangunan, penggunaan dan penyepaduan bahan pengajaran kendiri dalam konteks Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka. Bengkel yang direka untuk pendidik, pereka bentuk pengajaran, pembangun kandungan dan profesional yang terlibat dalam teknologi pendidikan. Ia juga mungkin menarik minat individu yang berminat untuk mengoptimumkan penggunaan bahan pengajaran kendiri dalam konteks pendidikan jarak jauh

## AUDIT GOOD GOVERNANCE RATING (GGR), UTHM PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL

**21 JANUARI 2024-** Berlangsungnya Audit Dalaman Kualiti bagi keperluan Penilaian Good Governance Rating (GGR), UTHM bertarikh 21 Januari 2024 (Ahad) bagi memastikan tahap tadbir urus PTj pentadbiran sentiasa dalam keadaan cekap, produktif dan berprestasi tinggi. Seramai 2 orang pegawai audit penilai telah melaksanakan audit yang dijalankan.



## BENGGKEL PEMBANGUNAN SELF INSTRUCTIONAL MATERIAL (SIM) PROGRAM SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MIO) SECARA OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)



**21 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah menganjurkan program Bengkel Pembangunan Self Instructional Material (SIM) Program Sarjana Teknologi Maklumat (MIO) secara Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL). Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan Self Instructional Materials bagikursus yang ditawarkansecara ODL, menerangkan dan melatihpenggunaan SIM dalamkalanganstaf yang terlibatsecaralangsungdalam program yang ditawarkansecara ODL, dan melatihpensyarahdenganpenggunaan Self Instructional Materials di Learning Management System (LMS) iaitu Author ODL.



## MAJLIS PENGHARGAAN PENGARAH PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL



**22 JANUARI 2024** – Majlis Penghargaan kepada Prof. Madya Ts. Dr.Musli bin Mohammad yang telah diadakan pada 22 Januari 2024 bertempat di Secangkir Coopitiam, Taman Universiti dengan sedikit jamuan dan cenderahati sebagai tanda terima kasih. Kami warga kerja Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas sumbangan dan sokongan beliau sepanjang berkhidmat di Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), UTHM dari tahun 2017 sehingga 2023.

## MESYUARAT PENGURUSAN PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL BIL.1/2024



**22 JANUARI 2024**– Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar; Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah mempengerusikan mesyuarat pengurusan PPBA bil. 1/2024 pada 22 Januari 2024 (Isnin). Mesyuarat telah dihadiri oleh warga kerja PPBA bermula jam 11:00 pagi. Agenda utama mesyuarat ini adalah bertujuan untuk mengemaskini perancangan aktiviti di bawah penyelarasan PPBA UTHM. Selain membincangkan perkara berbangkit, mesyuarat ini juga merupakan medium bagi menyalurkan informasi berkaitan laporan aktiviti, laporan penjanaan pendapatan, status perkembangan setiap jabatan/unit serta cadangan penambahbaikan proses pelaksanaan dan sistem program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).



**MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN KURSUS "SheTECH: SHAPING TECHNOLOGY LEADERSHIP FOR WOMEN IN TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET)" DI BAWAH PERUNTUKAN PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (PKTM) KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA**



**23 JANUARI 2024-** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah terpilih bagi pelaksanaan kursus "SheTECH: SHAPING TECHNOLOGY LEADERSHIP FOR WOMEN IN TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET)" secara fizikal pada 30 MEI 2024 – 7 JUN 2024 di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), Kementerian Luar Negeri (KLN) Malaysia. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini pihak PPBA telah mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Kursus MTCP 2024 pada 23 Januari 2023 (Selasa) 2:30 Petang, bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Pusat Pengajian Bahasa, Aras atas Blok B3 UTHM. Secara umumnya, mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan secara keseluruhan pelaksanaan kursus MTCP 2024 berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak KLN. Hal ini termasuk carta alir proses pelaksanaan program MTCP, jadual program SheTECH dan pelan tindakan sewajarnya sejajar dengan keperluan kursus MTCP 2024.

Selain pasukan PPBA, mesyuarat ini telah dihadiri oleh pasukan dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) iaitu tepatnya pasukan dari Pusat Inovasi Digital (UTHM-LABTECH). Menerusi mesyuarat ini, mesyuarat memaklumkan bahawa pihak KLN memohon agar pihak UTHM dapat menghantar brosur dan poster hebahan program SheTECH selewat-lewatnya 26 Januari 2023 (Jumaat). Oleh itu, tindakan susulan akan diambil segera bagi memastikan proses pelaksanaan kursus berjalan lancar sebagaimana dirancang.

# UCAPAN TAHNIAH KEPADA PENERIMA PROGRAM BAGI TAJAAN MTCP 2024

Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merakamkan ucapan setinggi – tinggi tahniah kepada Ts. Ida Aryanie Binti Bahrudin, Inv. Juliana Binti Mohamed, Prof. Madya Ts. Dr. Alias Bin Masek, Prof. Madya Ts. Dr. Affero Bin Ismail, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ezree Bin Abdullah, Dr. Muhamad Hanif Bin Jofri dan Dr. Noor Zuraidin Bin Mohd Safar dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) & UTHM-LABTECH Digital Innovation Centre (DICE) kerana terpilih untuk melaksanakan kursus “SheTECH: Shaping Technology Leadership for Women in Technical and Vocational Education and Training (TVET)” di bawah peruntukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Kementerian Luar Negeri Malaysia berjumlah RM 220,000.00.



## SESI TEMUDUGA BERSAMA CALON APEL.A TAHAP 7 (SARJANA)

**24 JANUARI 2024**– Sesi temuduga bagi calon APEL.A Tahap 7 (Sarjana) ini dijalankan secara dalam talian pada 24 Januari 2024 (Rabu). Panel Penilai yang menilai adalah dikalangan panel APEL.A yang telah menjalani latihan dan dilantik berdasarkan bidang calon. Sesi ini diadakan bagi menilai calon mengikut panduan dan syarat yang ditetapkan MQA. Di antara panel PPBA yang terlibat adalah Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin, Ketua Jabatan APEL.A.







## SESI UJIAN APTITUD PENILAIAN APELA

**28 JANUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah menjalankan sesi Ujian Aptitud kepada calon yang menjalani penilaian APEL dan ianya dihadiri oleh 4 orang calon terdiri dari calon APELA Tahap 3, Tahap 4, Tahap 6 dan Tahap 7 pada 28 Januari 2024 (Ahad) selama 2 jam 30 minit dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Sesi ini diadakan secara dalam talian di platform Microsoft Teams dan sistem Author UTHM yang dikelola dan dipantau oleh Ketua Jabatan APELA Pn. Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin dan Pn. Siti Hajar binti Md. Hair (Khir) selaku urusetia.



## SESI TEMUDUGA BERSAMA CALON APELA TAHAP 7 (SARJANA)



**29 JANUARI 2024-** Sesi temuduga bagi calon APELA Tahap 7 (Sarjana) ini dijalankan secara dalam talian pada 29 Januari 2024 (Isnin). Panel Penilai yang menilai adalah dikalangan panel APELA yang telah menjalani latihan dan dilantik berdasarkan bidang calon. Sesi ini diadakan bagi menilai calon mengikut panduan dan syarat yang ditetapkan MQA. Di antara panel PPBA yang terlibat adalah Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin, Ketua Jabatan APELA.



## SESI TEMUDUGA BERSAMA CALON APEL.A TAHAP 7 (SARJANA)

**31 JANUARI 2024-** Sesi temuduga bagi calon APEL.A Tahap 7 (Sarjana) ini dijalankan secara dalam talian pada 31 Januari 2024 (Rabu). Panel Penilai yang menilai adalah dikalangan panel APEL.A yang telah menjalani latihan dan dilantik berdasarkan bidang calon. Sesi ini diadakan bagi menilai calon mengikut panduan dan syarat yang ditetapkan MQA. Di antara panel PPBA yang terlibat adalah Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin, Ketua Jabatan APEL.A



## PELAKSANAAN PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM PENGAJAR PRAKTIKAL PENYENGGARAAN PESAWAT

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FKMP) menawarkan Program Pentauliah Profesional dalam Pengajar Praktikal Penyenggaraan Pesawat. Sesi pendaftaran dilaksanakan pada 30 Oktober 2023 (Isnin) jam 8:30 pagi bertempat di Dviation Training Centre, Level 5, Block E, Dataran PHB, Section U2, Saujana, 40150 Shah Alam, Selangor. Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional ini dianjurkan khusus kepada 5 orang pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) di bawah peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bernilai RM249,348.90. Kursus ini berlangsung selama 95 hari bermula 30 Oktober 2023 Hingga 1 Februari 2024.

## SESI TEMUDUGA BERSAMA CALON APELA TAHAP 7 (SARJANA)



**31 JANUARI 2024-** Sesi temuduga bagi calon APELA Tahap 7 (Sarjana) ini dijalankan secara dalam talian pada 31 Januari 2024 (Rabu). Panel Penilai yang menilai adalah dikalangan panel APELA yang telah menjalani latihan dan dilantik berdasarkan bidang calon. Sesi ini diadakan bagi menilai calon mengikut panduan dan syarat yang ditetapkan MQA. Di antara panel PPBA yang terlibat adalah Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin, Ketua Jabatan APELA.



## SESI UJIAN APTITUD PENILAIAN APELA

**04 FEBRUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah menjalankan sesi Ujian Aptitud kepada calon yang menjalani penilaian APEL pada 4 Februari 2024 (Ahad) bagi calon Tahap 7 selama 2 jam 30 minit dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Sesi ini diadakan secara dalam talian di platform Microsoft Teams dan sistem Author UTHM yang dikelola dan dipantau oleh Ketua Jabatan APELA Pn. Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin dan Pn. Siti Hajar binti Md. Hair (Khir) selaku urusetia.





# PROGRAM "GLOBAL PARTNERSHIP INITIATIVE: NAVIGATE YOUR FUTURE AND LAUNCHING OF CAREER PROGRESSION MAP IN FOOD SERVICES"

**05 FEBRUARI 2024-** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan International Labour Organization (ILO) dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) serta Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) telah menganjurkan program "Global Partnership Initiative: Navigate Your Future and Launching of Career Progression Map in Food Services" yang diadakan pada 5 Februari 2024 (Isnin) jam 2.30 petang bertempat di Dewan Banquet, Dewan Sultan Ibrahim (DSI) UTHM..



Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Shahrudin bin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTHM. Program ini diadakan dalam usaha membantu belia berkaitan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan makanan.





## PENGHANTARAN DOKUMEN MAKLUMBALAS MQA01 PROGRAM ODL

**07 FEBRUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah menghantar dokumen maklum balas MQA01 bagi Program ODL Sarjana Pentadbiran Perniagaan di bawah Jabatan Online & Distance Learning (ODL). Dokumen tersebut telah dihantar oleh Ketua Jabatan ODL, Ts. Dr. Asyraf Hasim bersama En. Hilmi Abd Razak ke MQA di Cyberjaya bagi usaha untuk mendapatkan kelulusan program ODL tersebut



## PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM PROFESIONAL PENERBANGAN

**07 FEBRUARI 2024-** Seramai 1 orang pelajar baharu telah mendaftar Program Profesional Penerbangan UTHM bagi ambilan kali ini. Sesi pendaftaran pelajar baharu bagi kohort 13/2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Februari 2024 (Rabu) bertempat di Asia Aeronautical Training Academy (AATA), Senai, Johor. Sesi taklimat pelaksanaan program telah disampaikan oleh Ts. Dr. Nur Kamillah binti Yusuf selaku penyelarasan dan mewakili pemilik program iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP). Pengendalian sesi pembelajaran sepanjang 18 bulan dikendalikan oleh pihak Asia Aeronautical Training Academy (AATA) manakala keseluruhan program diselenggarakan oleh Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM. Program ini bakal melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas dalam ilmu penerbangan untuk menjadi juruterbang profesional yang cekap dan komited di masa hadapan.

## URUSAN KAD MATRIK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA KEMAHIRAN PENGURUSAN MUTAWWIF UMRAH & ZIARAH



**07 FEBRUARI 2024-** Pihak Professional Mutawwif Development (PMD) telah melaksanakan pendaftaran pelajarambilan Januari 2024 pada 15 Januari 2024 dan 31 Januari 2024 bertempat di UTHM kampus pagoh. Di mana, 7 orang telah mendaftar sebagai pelajar bagiambilan Januari 2024. Manakala pelaksanaan bagi urusan kad matrik pelajar pula telah diuruskan oleh Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) pada 7 Februari 2024 (Rabu) jam 10:00 pagi bertempat di Pejabat Pendaftar UTHM.

Program PMUZ ini merupakan jalinan kerjasama antara Professional Mutawwif Development (PMD) Sdn. Bhd. dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK). UTHM kampus Pagoh dipilih sebagai Pusat Bertauliah bagi Zon Selatan untuk menjayakan program ini selama tiga (3) tahun bermula 1 Oktober 2021 sehingga September 2024. Penganjuran program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang berketrampilan di dalam bidang kemahiran Mutawwif Professional & Muslim Tour Leaders.

Semoga jalinan kerjasama PMD-UTHM melalui pelaksanaan program PMUZ menerusi kerjasama PPUK&PPBA ini bakal menjadi pemangkin kecemerlangan pelajar dalam bidang kemahiran mutawwif umrah dan ziarah kelak.



## KURSUS KURSUS BRIDGING THE JOURNEY TO DISCOVER EXCELLENCE (BRIDGE)

**07 FEBRUARI 2024-** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dengan kerjasama Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) telah melaksanakan Kursus Bridging The Journey To Discover Excellence (BRIDGE) kepada 20 orang peserta dalam kalangan pelajar yang sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Sasaran peserta bagi kursus ini adalah pelajar baharu atau pelajar semester tiga dan ke atas tetapi masih gagal dalam defense proposal.

Kursus yang dilaksanakan menerusi kaedah coaching ini memfokuskan ke arah mencari jurang masalah peserta dalam kemahiran menulis perenggan pernyataan masalah. Setelah sesi taklimat berkaitan pernyataan masalah, peserta dipecahkan kepada beberapa kumpulan agar aktiviti perbincangan dapat dibuat secara interaktif bersama fasilitator masing-masing. Selain itu, peserta juga telah dimaklumkan mengenai strategi dalam menulis perenggan pernyataan masalah proposal yang baik untuk menghasilkan tesis yang hebat.

Kursus ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Khairunesa Binti Isa dari Jabatan Pengajian Sosial (PPUK) selaku penyelarass kursus BRIDGE. Seramai 8 orang fasilitator turut sama hadir memberikan kerjasama dalam menjayakan kursus ini. Kursus ini telah berlangsung dengan jayanya pada 8 Februari 2024 (Khamis), 8:30 pagi – 3:30 petang bertempat di Bilik Lestari 2 (Aras 3), Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM.



Di akhir kursus ini pula, peserta dikehendaki membuat pembentangan hasil dari perbincangan yang telah dibuat berkaitan penulisan perenggan pernyataan masalah dalam proposal masing-masing. Pelaksanaan kursus BRIDGE ini diharapkan dapat membantu peserta menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penulisan perenggan pernyataan masalah proposal di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah.

## MESYUARAT ODL, CVL DAN CAD

**13 FEBRUARI 2024-** Berlangsung mesyuarat ODL bersama Pusat Pembelajaran Maya (CVL) dan Pusat Pembangunan & Kecemerlangan Akademik (CAD) bertempat di Bilik Mesyuarat, CAD yang telah dipengerusikan oleh Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar; Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA). Tujuan mesyuarat ini adalah perbincangan berkenaan carta alir proses pengurusan dan pelaksanaan ODL. Selain itu juga, mesyuarat dimaklumkan Jabatan ODL akan bekerjasama dengan CVL bagi menaiktaraf sistem AuthorODL dengan bantuan PPBA. Perbincangan yang lebih lanjut akan dilakukan bersama Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bersama CVL. Dalam pada itu, mesyuarat juga membincangkan berkenaan pelantikan jawatankuasa ODL di setiap fakulti.



## BENGGKEL PENYEDIAAN KERTAS KERJA PROGRAM BAHARU KERJASAMA CONFEXHUB

**14 FEBRUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dan Fakulti Sains Gunaan Dan Teknologi (FAST) dengan kerjasama CONFEXHUB berhasrat untuk menghantar tiga (3) kertas kerja program baharu untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembelajaran Berterusan yang bakal bersidang pada 18 Mac 2024 (Isnin), satu bengkel penyediaan kertas kerja program baharu kerjasama CONFEXHUB telah diadakan bagi merealisasikan hasrat ini.

Senarai tajuk kertas kerja program baharu tersebut adalah pertama; Digital Transformation Cluster of Excellence, kedua; Kemampanan dan Inisiatif ESG (Sustainability & ESG) dan ketiga; Smart City Cluster of Excellence. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini pihak PPBA berbesar hati menjemput pihak FAST ke bengkel penyediaan kertas kerja yang telah diadakan pada 14 Februari 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Bahasa, Aras bawah Blok B3, UTHM (Kampus Induk Parit Raja). Bengkel yang telah diselaraskan oleh Jabatan Pembelajaran Berterusan dan Kerjasama (JPBK) PPBA ini mewakili pihak PPBA dan FAST di dalam bengkel penyediaan kertas kerja program baharu ini diharapkan dapat memastikan cadangan pelaksanaan program kerjasama CONFEXHUB berjalan lancar sebagaimana dirancang.





## SESI TEMUDUGA BERSAMA CALON APEL.A TAHAP 7 (SARJANA)



**15 FEBRUARI 2024-** Sesi temuduga bagi calon APEL.A Tahap 7 (Sarjana) ini dijalankan secara dalam talian pada 15 Februari 2024 (Khamis). Panel Penilai yang menilai adalah dikalangan panel APEL.A yang telah menjalani latihan dan dilantik berdasarkan bidang calon. Sesi ini diadakan bagi menilai calon mengikut panduan dan syarat yang ditetapkan MQA. Di antara panel PPBA yang terlibat adalah Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin, Ketua Jabatan APEL.A.

## SESI UJIAN APTITUD PENILAIAN APEL.A

**18 FEBRUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah menjalankan sesi Ujian Aptitud kepada calon yang menjalani penilaian APEL pada 4 Februari 2024 (Ahad) bagi calon Tahap 7 selama 2 jam 30 minit dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Sesi ini diadakan secara dalam talian di platform Microsoft Teams dan sistem Author UTHM yang dikelolakan dan dipantau oleh Ketua Jabatan APEL.A Pn. Ts. Ida Aryanie bt Bahrudin dan Pn. Siti Hajar binti Md. Hair (Khir) selaku urusetia.



## BENGGEL PANEL PENILAI DAN PEMBANGUNAN INSTRUMEN APEL.C

**19 FEBRUARI 2024-** Bengkel ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat 2, FKAAB. Tujuan bengkel ini adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta berhubung pelaksanaan dan proses penilaian APEL di UTHM selari dengan halatuju pelaksanaan APEL.C secara keseluruhannya. .

Selain itu, ia juga dapat menentukan penilaian kursus yang sesuai untuk pemindahan kredit melalui APEL.C. Serta bagi membangunkan instrumen penilaian untuk beberapa kursus yang sesuai mengikut Garis Panduan APEL.C di Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL, UTHM.



## PELAKSANAAN PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM SISTEM BANGUNAN BERINDUSTRI (IBS)



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FKMP) menawarkan Program Pentauliah Profesional Dalam Sistem Bangunan Berindustri (IBS). Sesi pendaftaran dilaksanakan pada 20 November 2023 (Isnin) jam 8:30 pagi bertempat di Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional ini dianjurkan khusus kepada 12 orang pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) di bawah peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bernilai RM461,220.00. Kursus ini berlangsung selama 95 hari bermula 20 November 2023 hingga 22 Februari 2024.

## PERBINCANGAN BERSAMA RAKAN KERJASAMA BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN BERTERUSAN


**20 FEBRUARI 2024-** Menerusi hasil dapatan bengkel penyediaan kertas kerja program baharu kerjasama UTHM-CONFEXHUB yang telah diadakan pada 14 Februari 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Bahasa, Aras bawah Blok B3, UTHM (Kampus Induk Parit Raja), maka satu pertemuan bersemuka untuk membincangkan lebih lanjut berkaitan pelaksanaan program telah diadakan pada 20 Februari 2024 (Selasa) di Plaza Permata, Sentul, Kuala Lumpur. Delegasi UTHM terdiri dari Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), Fakulti Sains Gunaan Dan Teknologi (FAST), Pusat Pembangunan & Kecemerlangan Akademik (CAD) dan Pusat Pembelajaran Maya (CVL).





## PERBINCANGAN BERKAITAN PELANTIKAN PENCERAMAH KURSUS "SC-900: MICROSOFT SECURITY, COMPLIANCE, AND IDENTITY FUNDAMENTALS"

**21 FEBRUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah dimaklumkan mengenai pelantikan oleh pihak International Women's Federation of Commerce and Industry Malaysia (IWFCIM) kepada Dr.Khuneswari a/p P Gopal Pillay dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) sebagai penceramah bagi kursus "SC-900: MICROSOFT SECURITY, COMPLIANCE, AND IDENTITY FUNDAMENTALS" yang akan dilaksanakan pada 1 Mac 2024 hingga 30 April 2024 (2 Bulan) dengan nilai bayaran berjumlah RM11,000.00 (RM5,500.00/bulan).



Sehubungan dengan itu, PPBA berhasrat membincangkan lebih lanjut berkaitan pelantikan ini terutama hal-hal yang melibatkan urusan kewangan. Justeru, pihak PPBA berbesar hati menjemput Dr. Khuneswari ke mesyuarat yang diadakan pada 21 Februari 2024 (Rabu) secara dalam talian menerusi Teams Meeting. Kehadiran kedua-dua pihak ke mesyuarat ini diharapkan dapat memastikan pelantikan penceramah oleh pihak IWFCIM bagi pelaksanaan kursus yang dirancang selama dua (2) bulan ini berjalan lancar.

## BENKEL SASARAN KERJA TAHUNAN PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL 2024

**22 hingga 24 FEBRUARI 2024-** Seramai 15 orang staf Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL(PPBA) menghadiri bengkel bagi sasaran kerja tahunan PPBA 2024 bertempat di Hotel Granada Johor Bahru. Bengkel ini telah disempurnakan oleh Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar; Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL. Tujuan bengkel ini dilaksanakan bagi membincangkan objektif bagi KPI Pusat Tanggungjawab(PTj) universiti bagi tahun 2024.





### MESYUARAT MODERASI KURSUS LATIHAN MENGAJAR (MBE 24206) APEL.C



Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat 1, Pusat Pengajian Bahasa, Aras 1, Blok B3. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan pelaksanaan Kursus Latihan Mengajar (LM) untuk calon APEL.C yang juga merupakan pelajar dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM.

### BENKEL PEMBANGUNAN SELF-INSTRUCTIONAL MATERIAL (SIM) PROGRAM SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MIO) SECARA ODL SIRI 1

**27 FEBRUARI 2024-** Jabatan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh, Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL telah mengadakan satu bengkel pembangunan SIM untuk Program Akademik secara ODL. Bengkel ini secara keseluruhannya bertujuan untuk memberi panduan kepada pembangunan SIM serta memberi kefahaman dan melatih tenaga pengajar serta staf yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan ODL





## JERAYAWARA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

**27 FEBRUARI 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM menyantuni jemputan dari pihak Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) UTHM untuk berkongsi informasi berkaitan pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) UTHM. Seramai 40 orang staf dalam kalangan kumpulan pengurusan dan akademik FKAAB telah menghadiri sesi jerayawara ini yang telah berlangsung dengan jayanya pada 28 Februari 2024 (Rabu), 2:00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat FKAAB.

lanya melibatkan garis panduan pelaksanaan latihan pembelajaran berterusan, tatacara permohonan melaksanakan kursus/program pensijilan UTHM (Eksekutif, Kompetensi, Profesional), informasi berkaitan pelaporan PSH dan kepentingan staf dalam pengemaskinian maklumat perunding PSH ke dalam sistem SLALU atas segala keterlibatan dan komitmen yang ditonjolkan dalam pelaksanaan kursus/program latihan tersebut.

Ketua Jabatan Pembelajaran Berterusan dan Kerjasama (JPBK) PPBA UTHM; Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman telah dijemput selaku penceramah sempena "Staff Development Week" FKAAB. Sesi jerayawara ini diadakan untuk memberikan pendedahan dan informasi kepada staf FKAAB berkaitan pelaksanaan Program Latihan Pembelajaran Berterusan dalam usaha memperkasa program PSH di UTHM. Secara umumnya, taklimat yang disampaikan oleh KJ JPBK PPBA UTHM ini merangkumi panduan umum kepada pihak FKAAB bagi menjayakan pelaksanaan latihan pembelajaran berterusan (Kursus Pendek).

Menerusi sesi ini, PPBA juga memaklumkan kepentingan pihak FKAAB dalam mengemaskini pelaporan berkaitan data pelaksanaan program PSH yang telah dilaksanakan kepada PPBA demi mencapai Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) yang telah ditetapkan.



### PELAKSANAAN PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM TEKNOLOGI DRON PERTANIAN

**27 NOVEMBER 2023 hingga 29 FEBRUARI 2024-**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FKMP) menawarkan Program Pentauliah Profesional Dalam Teknologi Dron Pertanian. Sesi pendaftaran dilaksanakan pada 27 November 2023 (Isnin) jam 8:30 pagi bertempat di Air Asia Drone, Level 5-01 to 02, Sentral Vista, 130, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Pelaksanaan Program Pentauliah Profesional ini dianjurkan khusus kepada 10 orang pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) di bawah peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bernilai RM296,847.50. Kursus ini berlangsung selama 95 hari bermula 27 November 2023 hingga 29 Februari 2024

### MESYUARAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN TAKLIMAT BENGKEL PENILAI APEL.A DI UNIVERSITY COLLEGE BESTARI, TERENGGANU



**29 FEBRUARI 2024-** University College Bestari telah menjemput Pengarah PPBA; Dr. Noor Zuraidin bin Mohd. Safar dan juga Ketua Jabatan APEL.C; Dr. Muhamad Hanif bin Jofri untuk menghadiri Mesyuarat Pembelajaran Berterusan dan Taklimat Bengkel Penilai APEL.A yang diadakan di Bilik Mesyuarat Kompleks Pembangunan Usahawan, UCB. Mesyuarat ini adalah membincangkan berkaitan dasar pembelajaran sepanjang hayat (PSH) serta proses pelaksanaan dan permohonan APEL.A di UCB.



## MESYUARAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN TAKLIMAT BENGKEL PENILAI APEL.A DI UNIVERSITY COLLEGE BESTARI, TERENGGANU

**05 MAC 2024-** University College Bestari telah menjemput Pengarah PPBA; Dr. Noor Zuraidin bin Mohd. Safar dan juga Ketua Jabatan APEL.C; Dr. Muhamad Hanif bin Jofri untuk menghadiri Mesyuarat Pembelajaran Berterusan dan Taklimat Bengkel Penilai APEL.A yang diadakan di Bilik Mesyuarat Kompleks Pembangunan Usahawan, UCB. Mesyuarat ini adalah membincangkan berkaitan dasar pembelajaran sepanjang hayat (PSH) serta proses pelaksanaan dan permohonan APEL.A di UCB.



## BENGKEL PEMBANGUNAN SELF-INSTRUCTIONAL MATERIAL (SIM) PROGRAM SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MIO) SECARA ODL

**05 MAC 2024-** Jabatan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh, Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL telah mengadakan satu bengkel pembangunan SIM untuk Program Akademik secara ODL. Bengkel ini secara keseluruhannya bertujuan untuk memberi panduan kepada pembangunan SIM serta memberi kefahaman dan melatih tenaga pengajar serta staf yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan ODL.



## PENYERAHAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DI ANTARA UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) DAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)



**06 MAC 2024-** Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mendapat kelulusan bagi memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan pelaksanaan program APEL. Jemputan ini adalah untuk sesi penyerahan dokumen MoU yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Bangunan Canselori UPNM.


## SESI LAWATAN BAGI PEMATUHAN SYARAT-SYARAT PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA SECARA VIRTUAL (MQA VIRTUAL AUDIT, MQAVA) PROGRAM SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL menerusi Jabatan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) telah menerima lawatan dari pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi Pematuhan Syarat-Syarat Perakuan Akreditasi Sementara secara Virtual (MQA Virtual Audit, MQAVA) Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MQA/PA 17430). Lawatan penilaian ini telah berlangsung secara virtual di platform Zoom Meeting.

Ts. Dr. Muhammad Asyraf bin Hasim selaku Ketua Jabatan ODL, UTHM telah mengetuai sesi taklimat dan pembentangan mengenai program yang dipohon serta sesi soal jawab bersama pihak APP. Pihak APP juga diberi pendedahan berkaitan kemudahan secara ODL seperti kemudahan di perpustakaan dan online subscriptions

Penilaian MQAVA terdiri daripada 3 Ahli Panel Penilai (APP) MQA iaitu YBr. Prof. Dr. Yusniza Kamarulzaman, YBr. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman S Senathirajah dan YBr. Dr. Ng Huey Zher serta juga telah dihadiri oleh beberapa pihak yang bertanggungjawab (PTJ) UTHM iaitu Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (CAD), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Pusat Pembelajaran Maya (CVL), Pusat Pengajian Siswazah (CGS) dan Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA)

No	Nama Pengajar (MPL)	PLO	SK/Perisian
1	Pengantar	PLO1	Menyedia bar dan konsep berdasarkan prinsip yang berorientasikan pengajaran
2	Kemahiran Kognitif	PLO2	Mengaplikasikan keupayaan pemecahan masalah menggunakan strategi 'kuasa' dengan menggunakan teknologi, kepada organisasi
3	Kemahiran Fungsional	PLO3	Menyedia bar dan konsep berdasarkan prinsip yang berorientasikan pengajaran
4	Kemahiran Personal	PLO4	Mengaplikasikan keupayaan pemecahan masalah menggunakan strategi 'kuasa' dengan menggunakan teknologi, kepada organisasi
5	Kemahiran Akademik	PLO5	Menyedia bar dan konsep berdasarkan prinsip yang berorientasikan pengajaran
6	Etika dan Profesionalisme	PLO6	Mengaplikasikan keupayaan pemecahan masalah menggunakan strategi 'kuasa' kepada organisasi



## PERBINCANGAN BERKAITAN YURAN PENILAIAN APEL.Q

**13 MAC 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah mengadakan 1 perbincangan berkaitan yuran penilaian APEL.Q bersama dengan beberapa staf Akademik dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV). Perbincangan ini adalah untuk menetapkan kadar yuran permohonan penilaian APEL.Q yang perlu dibayar oleh calon.



## ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR ACCESS, (APELA T7 & APELA T8)



Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM mengucapkan setinggi – tinggi tahniah kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menerima perakuan akreditasi 5 tahun bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi tujuan Kemasukan (Accreditation of Prior Experiential Learning for Access, APELA) bagi tahap penilaian Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan (APELA T-7) & Ijazah Kedoktoran Secara Kerja Kursus, Campuran Dan Penyelidikan (APELA T-8) bagi tempoh 10 Februari 2024 hingga 9 Februari 2029.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBELAJARAN BERTERUSAN BIL 1./ 2024

**18 MAC 2024-** Mesyuarat Jawatankuasa Pembelajaran Berterusan Bil.1/2024 telah dilaksanakan pada 18 Mac 2024 (Isnin) bertempat di Dewan Jemaah, Aras 5, PTTA jam 2:30 petang. Agenda mesyuarat JPB ini merangkumi pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pembelajaran Berterusan dan APEL (JKPBA) Bil.3/2023, sebelas(11) Pembentangan Kertas kerja Cadangan fakulti/PTj/STU dan Pembentangan laporan Program Pembelajaran Berterusan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Shahrudin Bin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta ahli mesyuarat Jawatankuasa tersebut.



## SESI PEMANTAUAN KURSUS BENTLY-OPENRAIL FUNDAMENTALS, FTK

**19 MAC 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah mengadakan sesi pemantauan pelaksanaan kursus BENTLY-Openrail Fundamental yang dilaksanakan pada 19 Mac 2024; 10:30 pagi bertempat di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTHM cawangan Pagoh. Kursus ini berlangsung 3 hari iaitu pada 19 hingga 21 Mac 2024. Sesi pemantauan kursus ini dilaksanakan bagi memastikan prosedur operasi pelaksanaan kursus memenuhi standard kualiti program. Kursus yang dilaksanakan oleh FTK ini merupakan usaha fakulti dalam usaha menyemarak potensi kerjasama dengan industri berkaitan sekaligus memperkasa pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) UTHM bagi tahun 2024. Hasil pemantauan, kursus yang dilaksanakan ini berjalan lancar dan di tahap memuaskan.





## PERBINCANGAN BERKAITAN PELAKSANAAN PSH DI FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

**20 MAC 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APPEL (PPBA) UTHM menyantuni jemputan dari pihak Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) UTHM untuk berkongsi informasi berkaitan pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) UTHM. Seramai 4 orang staf dalam kalangan kumpulan pengurusan dan akademik FKEE telah menghadiri sesi perbincangan ini yang telah berlangsung dengan jayanya pada 20 Mac 2024 (Rabu); 9:30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Pusat Pengajian Bahasa, Aras Atas Blok B3, UTHM.




Ketua Jabatan Pembelajaran Berterusan dan Kerjasama (JPBK) PPBA UTHM; Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman telah dijemput untuk memberi taklimat ringkas berkaitan pelaksanaan PSH di UTHM. Sesi jerayawara ini diadakan untuk memberikan pendedahan dan informasi kepada staf FKEE berkaitan pelaksanaan Program Latihan Pembelajaran Berterusan dalam usaha memperkasa program PSH di UTHM. Secara umumnya, taklimat yang disampaikan oleh KJ JPBK PPBA UTHM ini merangkumi panduan umum kepada pihak FKEE bagi menjayakan pelaksanaan latihan pembelajaran berterusan (Kursus Pendek). Ianya melibatkan garis panduan pelaksanaan latihan pembelajaran berterusan, tatacara permohonan melaksanakan kursus/program pensijilan UTHM (Eksekutif, Kompetensi, Profesional), informasi berkaitan pelaporan PSH dan kepentingan staf dalam pengemaskinian maklumat perunding PSH ke dalam sistem SLALU atas segala keterlibatan dan komitmen yang ditonjolkan dalam pelaksanaan kursus/program latihan tersebut.



## SESI TEMUBUAL CALON APEL.C BERSAMA PANEL PENASIHAT

**20 hingga 21 MAC 2024-** Sesi temubual bagi 2 orang calon APEL.C untuk subjek Pengajaran Mikro Dalam TVET (MBE 10602) telah dijalankan secara dalam talian pada 20 & 21 Mac 2024. Panel penilai yang menilai adalah dikalangan panel penilai APEL.C yang telah dilantik berdasarkan bidang calon. Antara panel yang terlibat adalah Prof. Madya Dr. Wan Hanim Nadrah binti Wan Muda Prof. Madya Dr. Hashima binti Hamid. Tujuan temubual ini adalah untuk saringan dokumentasi portfolio calon dan juga penambahbaikan dokumen jika terdapat kesilapan atau kekurangan sebelum ke proses penilaian bersama panel penilai.



## MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN KURSUS SHETECH MTCP 2024 PPBA BERSAMA UET

**26 MAC 2024-** Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah terpilih melaksanakan kursus "SheTECH: SHAPING TECHNOLOGY LEADERSHIP FOR WOMEN IN TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET)" secara fizikal pada 30 MEI 2024 – 7 JUN 2024 di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), Kementerian Luar Negeri Malaysia. Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan hasrat ini pihak PPBA menjemput UTHM Education & Training Sdn. Bhd. (UET) ke mesyuarat penyelarasan kursus pada 26 Mac 2024 (Rabu); 9:30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Pusat Pengajian Bahasa, Aras Atas Blok B3, UTHM. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan lebih terperinci hasrat serta perancangan PPBA dalam menguruskan peruntukan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), Kementerian Luar Negeri (KLN) Malaysia. Kehadiran pihak UET ke mesyuarat ini diharapkan dapat membantu PPBA dalam memastikan pelaksanaan kursus terutama urusan kewangan program berjalan lancar.









**Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL**  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**  
**86400, Parit Raja, Batu Pahat,**  
**Johor Darul Ta'zim**